

**Polis, DBKL akhirnya mengalah, benarkan Black 505 di Padang Merbok**  
**Malaysian Insider**  
**June 22, 2013**  
**Oleh Wartawan The Malaysian Insider**

Pihak polis dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akhirnya mengalah apabila membenarkan Pakatan Rakyat meneruskan perhimpunan Black 505 di padang Merbok.

Menurut Datuk Johari Abdul dari PKR, polis dan DBKL memberitahu penganjur perhimpunan Black 505 boleh diadakan di Padang Merbok.

“Pihak polis dan DBKL telah beri kerjasama,” kata ahli Parlimen Sungai Petani itu dalam ucapannya di Padang Merbok sebentar tadi.

“Terima kasih kerajaan kerana berikan kami ruang untuk berkumpul,” tambahnya. – 22 Jun, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/polis-dbkl-akhirnya-mengalah-benarkan-black-505-di-padang-merbok/>